

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RMT 553 - Pengurusan Projek 2

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawan EMPAT soalan sahaja.

1. (a) 'Pengurusan bukan satu sains tetapi satu seni. Oleh itu, tidak ada manfaatnya bagi pengurus mempelajari subjek pengurusan dan organisasi sebagai satu cabang ilmu'.

Bincangkan.

- (b) Nyatakan apakah kesan buruk ke atas pengurus apabila mereka berdepan dengan berbagai-bagai pemikiran pengurusan dan organisasi yang kadangkala berkonflik dan bercanggah?.

(25 markah)

2. (a) Ahmad berhasrat untuk menjadikan dirinya sebagai orang yang sangat-sangat diperlukan oleh syarikat di mana dia bekerja. Huraikan lima jenis dasar kuasa mengikut French dan Raven (1960).

- (b) Dibawah setiap kategori dasar kuasa yang disebutkan, cadangkan tindakan-tindakan tertentu yang dapat diambil oleh Ahmad untuk mencapai hasratnya.

(25 markah)

3. Bincangkan tentang teori-teori kumpulan dari segi kesesuaiannya kepada seorang pengurus projek yang sedang cuba mewujudkan pasukan yang efektif.

(25 markah)

4. (a) Nyatakan cara yang sistematik bagaimana pengurus boleh meningkatkan kemahiran mereka dalam membuat keputusan pada peringkat tertinggi (high level decision making).
- (b) Bincangkan proses membuat keputusan secara berkumpulan (participative decision making) dari segi hubungannya dengan kepimpinan dan gaya pengurusan.

(25 markah)

5. (a) Tunjukkan kefahaman anda tentang prinsip-prinsip merancang (planning), mengawas (monitoring) dan mengawal (control) serta perhubungan antara ketiga-tiganya di tahap korporat dan projek.
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah penyelarasan (co-ordination). Bagaimanakah mesyuarat dapat membantu atau membantut aktiviti penyelarasan?

(25 markah)

6. (a) Huraikan prinsip-prinsip utama struktur dalaman dan perhubungan dalam organisasi.
- (b) Apakah kesan dan perubahan yang telah ditimbulkan oleh persekitaran luar yang kompleks dan dinamik ke atas ide-ide tradisional ini?

(25 markah)

oooOoooo